

UMNO kaji semula peranan parti komponen BN

2 DEC 1990

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, UMNO sedang meneliti semula peranan yang dimainkan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum lalu.

Perdana Menteri berkata, atas alasan itulah beliau masih belum lagi membuat keputusan siapakah yang layak mengisi dua kekosongan jawatan Timbalan Menteri MIC.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata bahawa beliau tidak mempunyai cadangan melantik wakil-wakil dari parti-parti komponen untuk menduduki kabinetnya jika wakil itu cuma mendapat undi orang Melayu pada pilihanraya umum lalu.

"Calon itu mestilah seorang yang juga mendapat undi bukan Melayu dan membuktikan telah menyumbang sesuatu kepada kemenangan BN," ujarnya pada sidang akhbar selepas tamatnya Perhimpunan Agung UMNO hari kedua hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau akan memberi tempat kepada semua pihak secara saksama tetapi mereka yang akan diberi tempat harus juga memainkan peranan dalam menentukan kejayaan BN dalam pilihanraya umum.

"Sebab itulah kini kajian sedang dibuat mengenai peranan yang disumbangkan oleh parti-parti komponen kepada BN sewaktu pilihanraya umum.

"Ini tidaklah bermakna kita akan mengambil semula tempat-tempat yang majoritinya adalah orang Melayu kerana kita tidak tamak kuasa tetapi sesiapa yang berada dalam BN mestilah menyumbang kepada kemenangan BN," tegasnya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, jika seseorang itu mahu berada dalam BN hanya kerana hendak mendapat tem-

pat melahir undi UMNO sahaja, ini tidaklah mencukupi.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata, beliau bersetuju dengan pendapat para perwakilan bahawa seseorang menteri tidak seharusnya menggunakan kedudukannya untuk memperkukuhkan personalitinya.

Beliau menegaskan, jelas sekali perwakilan tidak suka kepada cara-cara yang hanya menguntungkan diri seseorang pemimpin dan melemahkan parti.

"Trend ini bermula apabila ada unsur-unsur yang ingin menggunakan landasan Pemuda untuk mencari populariti diri.

"Mereka berpendapat Pergerakan Pemuda adalah satu tapak yang kukuh untuk menonjolkan diri mereka sebagai seorang pemimpin yang dihormati dan dari situ akan cuba pula mencari kepentingan diri dalam parti.

"Malah saya juga bersetuju dengan pendapat perwakilan bahawa Menteri Belia dan Sukan haruslah menggunakan Pemuda untuk memperjelaskan dasar parti dan bukan untuk memperkukuhkan dirinya," tegas beliau.

Kepada satu soalan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, umumnya perbincangan kali ini adalah baik dan suasana begitu tenang kerana setiap yang berucap lebih bertanggungjawab termasuklah wakil dari Tanjung yang membawa usul Raja Berperlembagaan.

Katanya, wakil tersebut, Encik Zaharin Hashim telah menyampaikan ucapannya secara tertib dan mengikut teks serta tidak menyentuh perasaan pihak lain.

Mengenai pertunjukan video oleh seorang perwakilan, beliau berkata, kini semua orang tahu bagaimana parti lawan menggunakan cara-cara yang tidak sihat untuk menyekat BN dari memenangi sesuatu pilihanraya.